



IKLAN JAWATAN KOSONG
MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

مجلس قريباندارن هغ تواه جاي

<http://www.mphjt.gov.my>

Pemohon yang terdiri daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada anak kelahiran Negeri Melaka adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) seperti berikut :

BIL.	NAMA JAWATAN	GRED JAWATAN	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1.	PEMANDU KENDERAAN	H11	2	KONTRAK

A. JAWATAN : PEMANDU KENDERAAN

Gred Jawatan	: H11
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kemahiran
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Taraf Jawatan	: Kontrak
Jumlah Kekosongan	: Dua (2)
Jadual Gaji	:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1, 218.00	RM2,939.00	RM80.00

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) warganegara Malaysia; dan
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c) i. Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - ii. lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - iii. berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:
 - a. Lesen D: RM1,264.15
 - b. Lesen E/E1/E2: RM1,310.30
 - c. Lesen F/H: RM1,356.45
 - d. Lesen G/I: RM1,402.60

KEUTAMAAN

2. Calon hendaklah berumur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan **Pemandu Kenderaan Gred H11** adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON :

- i. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada anak kelahiran Negeri Melaka.
- ii. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya yang boleh didapati daripada Laman Web MPHTJ iaitu <http://www.mphtj.gov.my> atau hadir sendiri ke Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Aras 2, Kompleks Melaka Mall, Ayer Keroh, Melaka.
- iii. Permohonan hendaklah disertakan dengan **Resume/ butir-butir peribadi** bersama-sama **sesalinan Kad Pengenalan, sesalinan Sijil Kelahiran, gambar terkini berukuran pasport dan sijil-sijil kelayakan akademik**. Sila pastikan setiap dokumen tersebut hendaklah **DISAHKAN**. Permohonan yang **tidak lengkap dan tidak memenuhi** syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan serta **tidak disahkan** akan **ditolak dengan serta merta**.
- iv. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat (Tetap dan Kontrak) hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dan pastikan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi disertakan bersama.
- v. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar di dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul hendaklah ditulis **NAMA JAWATAN** yang dipohon. Borang permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan akan ditolak.
- vi. Alamat permohonan dan tarikh tutup permohonan :

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
SF-01, Aras 2,
Kompleks Melaka Mall,
Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh,
75450 Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, Melaka
(U.P : BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 JULAI 2023

PERINGATAN :

- i. Pemohon hendaklah lengkap divaksinasi Covid-19.
- ii. Sila pastikan setiap dokumen yang disertakan bersama Borang Permohonan hendaklah **DISAHKAN secara asli** (bukan cop pengesahan yang difotokopi).
- iii. Calon yang layak perlu menduduki Ujian Kecergasan dan Fizikal serta Ujian Kompetensi yang akan dimaklumkan tarikhnya kelak.
- iv. Hanya calon yang berjaya dalam ujian tersebut sahaja akan dipanggil untuk menjalani peringkat temuduga.
- v. Calon yang dilantik perlu akur terhadap penempatan/tempat bertugas yang ditentukan dari semasa ke semasa demi kepentingan MPHTJ.